

11 MAY 2000

Umno-Naib (Muhammad)

MUHAMMAD SIFATKAN KEMENANGAN TANGGUNGJAWAB BERAT UNTUK UMNO

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib yang mengekalkan jawatan naib presiden Umno pada pemilihan parti itu menyifatkan kemenangannya sebagai satu tanggungjawab berat bagi beliau meneruskan cita-cita parti.

Ini terutamanya cita-cita Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melahirkan suatu bangsa yang berkualiti, ada jati diri dan mempunyai kemampuan setanding dengan bangsa-bangsa maju di dunia, katanya kepada pemberita sejurus selepas keputusan diumumkan.

"Saya akan bekerja bersungguh-sungguh untuk memperkukuhkan parti. Saya ingin parti ini kukuh, selepas ini saya hendak teruskan usaha saya perkukuhkan parti," katanya.

Ditanya adakah beliau terkejut dengan kemenangannya, Muhammad berkata: "Setiap orang ada peluang, masing-masing ada peluang yang sama untuk menang."

Muhammad berkata antara sebab kemenangan beliau barangkali kerana dia telah menunjukkan taat setia kepada parti dengan turun berkempen di peringkat akar umbi pada pilihan raya umum November lepas walaupun beliau tidak menjadi calon.

Mengenai kemenangan beliau dan dua orang lagi bekas "team wawasan" sebagai naib presiden, Muhammad berkata: "Susah hendak baca perwakilan ni, pasal perwakilan ni lebih tahu apa yang berlaku di persekitaran mereka. Inilah keputusan yang mereka buat untuk tahun 2000."

Bagaimanapun, beliau berkata kemenangan kali ini tidak seharusnya dikaitkan dengan team wawasan yang pernah diwujudkan pada pemilihan Umno 1993.

"Ini bukan team wawasan, secara kebetulan sahaja kena kepada orang itu. Ini adalah team Umno," katanya.

Ditanya mengenai kekalahan calon-calon naib presiden dari kalangan Menteri Besar dan Ketua Menteri, Muhammad berkata keputusan perwakilan hari ini barangkali adalah sebagai isyarat bahawa mereka mahu pemimpin negeri beri tumpuan pada negeri dan pemimpin persekutuan beri tumpuan di peringkat persekutuan.

"Ini adalah analisis awal yang boleh saya buat dan saya rasa perwakilan telah membuat keputusan yang bijak," katanya.

Mengenai kemungkinan kemenangan itu akan membolehkan beliau dilantik untuk memegang jawatan di peringkat persekutuan, Muhammad berkata: "Saya tidak pasti, saya boleh jadi imam dan saya boleh jadi makmum. Jika jadi makmum, saya akan jadi makmum yang baik," katanya.

-- BERNAMA

MK NY RON